

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan



EDISI

26

ISSN 1823-6421

Isu sekuriti makanan menjadi topik hangat di Malaysia berikutan kebimbangan kerajaan terhadap saiz import makanan yang besar, di mana ianya dikhuatiri boleh menjejaskan keselamatan negara. Semenjak wabak Covid -19 melanda sehinggalah kini, isu keselamatan makanan menjadi tumpuan dunia, ditambah lagi dengan kesan peperangan yang berlaku di Ukraine kepada negara Eropah yang banyak mengimport makanan dari negara-negara bekas jajahan Rusia. Bukan sahaja makanan, tetapi banyak sumber-sumber utama lain seperti minyak memberi impak yang sangat besar kepada ekonomi negara-negara Eropah.

Dalam isu keselamatan makanan, Malaysia sebenarnya telah pun menyedari kepentingan mempunyai bekalan makanan yang cukup semenjak krisis ekonomi yang berlaku pada tahun 1997-1998 yang lalu. Semasa krisis ekonomi tahun 1997, negara menyedari bil import makanan berada di tahap yang sangat tinggi, menyebabkan negara meluluskan Dasar Pertanian Ketiga yang memfokuskan kepada pengeluaran makanan di dalam negara.

Dasar Pertanian Negara Ketiga yang dibuat pada tahun 1998 memberikan peluang yang tinggi kepada usahawan makanan berikutan kerajaan meluluskan banyak bantuan kepada usahawan yang berkecimpung di dalam bidang pertanian dan penternakan. Seterusnya fokus kepada aktiviti pertanian dan penternakan juga menjadi agenda utama dalam dasar-dasar pertanian kerajaan dan diteruskan lagi dalam Dasar Pertanian yang terbaharu iaitu Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob.

Dengan adanya Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), selepas DAN 1.0 yang dilancarkan pada tahun 2011, DAN 2.0 meletakkan strategi pemodenan makanan pintar sebagai "key game changer" bagi menjayakan transformasi sektor agromakanan. Dalam hal ini kerajaan akan membantu dalam dana pembiayaan, insentif pelaburan dan tenaga kerja selaras dengan perkembangan Revolusi Industri ke-4 (IR 4.0).

Persoalannya sekarang ialah bagaimana usahawan Muslim di Malaysia bertindak untuk merebut peluang yang terbentang luas di depan mata?. Kenapakah usahawan Muslim dikatakan mempunyai peluang di depan mata?. Sudah tentunya usahawan Muslim mempunyai peluang yang cerah kerana Malaysia mempunyai jumlah pengguna beragama Islam yang ramai dan peluang perniagaan boleh diusahakan kerana kebanyakan Muslim di Malaysia adalah kaum Melayu yang mempunyai tanah persendirian yang berpotensi untuk dimajukan dengan perancangan yang baik. Dengan jumlah 20.6 juta Muslim (data 2020), terdapat permintaan yang bukan sedikit meliputi pelbagai tahap pengguna dengan pelbagai kehendak dan keperluan. Perusahaan berasaskan makanan pula sangat diperlukan untuk memastikan rakyat meneruskan kehidupan.

Terdapat pelbagai kaedah boleh digunakan dalam bidang pertanian dan penternakan untuk menambahkan jumlah pengeluaran dan menjaga kualiti pengeluaran di ladang-ladang. Bilangan usahawan Muslim yang terlibat dalam penggunaan IoT (internet of things) juga semakin bertambah berikutan kesedaran akan kepentingan menggunakan teknologi dalam menguruskan perusahaan tani dan seumpamanya.

Meninjau kegigihan seorang usahawan Muslim yang berjaya menggunakan IoT di Melaka, usahawan cili pemilik Syarikat Grasi Cili mampu menyelesaikan masalah buruh dan dapat menjaga kualiti tanaman dengan berkesan sekali walaupun negara mengalami wabak Covid-19 yang menjejaskan pengeluaran kebanyakan hasil tani berikutan kekurangan tenaga buruh dan kekurangan mobiliti. Keberanian menggunakan kaedah IoT mampu milik dalam pengurusan penanaman cili ini menjadi bukti kejayaan dan mendorong usahawan lain untuk turut menggunakan kaedah yang sama dalam pertanian moden.

Di samping itu, kaedah pengeluaran yang boleh digunakan untuk meningkatkan pertanian ialah penanaman menggunakan kaedah fertigasi yang terbukti memberikan pendapatan yang lumayan kepada usahawan-usahawan yang menggunakan kaedah ini. Penanaman menggunakan kaedah fertigasi merujuk kepada tatacara menggunakan baja dan air kepada tumbuhan dalam bentuk larutan kepada zon akar melalui pengaliran titis. Kaedah fertigasi ini sudah semakin berkembang di dalam negara dan terbukti dapat mengeluarkan hasil tanaman berskala besar.

Sekuriti Makanan:Usahawan Muslim Punyai Potensi Besar di Malaysia

Nor Halawah Ahmad¹, Saliza Sulaiman^{2*}

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Kampus Alor Gajah, Melaka.

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Kampus Puncak Alam, Selangor.

*Koresponden: salizas421@uitm.edu.my

Kepesatan perkembangan teknologi makanan juga memberi peluang kepada usahawan untuk berkecimpung dalam perniagaan sejuk beku di Malaysia, bahkan mampu menembusi pasaran antarabangsa. Jenama yang popular seperti Ramli, Jalen, Nuha, Ayam Zain dan banyak lagi, sudah dikenali dan mampu memberi inspirasi kepada usahawan baru dalam mempelbagaikan lagi jenis lagi produk makanan sejuk beku.

Dalam usaha untuk mengenengahkan barangan usahawan Muslim pula, peranan masjid boleh dipergiat dengan menjadikan ruang kawasan di persekitaran masjid sebagai pusat ekonomi komuniti. Peranan masjid sebagai agen ekonomi boleh dilaksanakan di samping aktiviti-aktiviti lain yang sedia ada.

Kerajaan pula telah memberi banyak bantuan kepada rakyat dalam bentuk kewangan, latihan, fasiliti dan lain-lain untuk dimanfaatkan usahawan Muslim. Jika usahawan Muslim mempunyai fikiran menawarkan produk halal tayyiban kepada umat Islam, sudah tentu akan menyemarakkan lagi semangat dan mendorong kepada pengurusan perniagaan yang lebih kemas untuk faedah umat islam bukan sahaja di tanah air tetapi di seluruh dunia.

Kesimpulannya, usahawan Muslim di Malaysia mempunyai banyak peluang untuk sama-sama menjadi pemangkin kepada pengeluaran makanan negara. Tuntutan agama seperti kewajipan menawarkan produk yang halal dan bersih secara tidak langsung boleh menjadi pencetus kepada perkembangan bidang perniagaan kepada usahawan Muslim dan seterusnya meningkatkan sekuriti makanan di dalam negara.

Rujukan

[1] Hairom, N., (2021, October 25), DAN 2.0 fokus tingkat sekuriti makanan, pertanian pintar, Sinar Harian, [https://www.sinarharian.com.my/article/168705/BERITA/Nasion al/DAN-20-fokus-tingkat-sekuriti-makanan-pertanian-pintar](https://www.sinarharian.com.my/article/168705/BERITA/Nasion%20al/DAN-20-fokus-tingkat-sekuriti-makanan-pertanian-pintar)

[2] Ithnin, H. (2021, October 24), Kepuasan usahawan tani cili fertigasi, ^{Harian Metro,} <https://www.hmetro.com.my/agro/2021/10/769691/kepuasan-usahawan-tani-cili-fertigasi>

[3] Nik Hassan, N.M.(2006, November 7), Institusi Masjid Berperanan Kepada Kekuatan Ekonomi Ummah, <https://www.ikim.gov.my/index.php/2006/11/07/institusi-masjid-berperanan-kepada-kekuatan-ekonomi-ummah/>

[4] Sulaiman, H., 2021, September 2021), Pengenalan sistem fertigasi, http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber/sumb_er_awam/penerbitan/kertas_pembentangan/seminar_teknologi_fertigasi_2021/kertas_pembentangan1.pdf

[5] Dasar pertanian negara ketiga (DPN),(n.d), Portal rasmi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, <https://www.fama.gov.my/dasar-pertanian-negara-ketiga-dpn3->